

CNS5689

U GB 18-09 00162 BA226

aab

M'SIA MAMPU BERSAING DIPASARAN DUNIA, KATA PM

Mahathir - Nafta

. Daripada Syed Jamil Jaafar

BANDARAYA MEXICO, 18 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Malaysia mampu bersaing dalam pasaran dunia dengan meningkatkan kecekapan, mengekalkan kestabilan dan keamanan negara serta memberikan layanan yang baik kepada pelabur.

Katanya, dalam persaingan yang semakin meningkat, Malaysia tidak harus mudah kecewa.

+Kita harus cari jalan supaya kita dapat keluarkan barangan kita dengan lebih cekap dan lebih murah,+ katanya kepada wartawan Malaysia sebagai mengulas kesan-kesan yang mungkin dihadapi oleh negara dengan pengwujudan kawasan perdagangan bebas Amerika Utara (Nafta) menjelang 1993.

Perdana Menteri yang tiba di sini pada hari Selasa untuk lawatan rasmi enam hari, telah mengaclarakan perbincangan dengan Presiden Carlos Salinas di kediaman Presiden, +Los Pinas+ pada sebelah petangnya.

Perbincangan empat mata itu tertumpu kepada peningkatan kerjasama ekonomi dua hala, kerjasama Selatan-selatan dan soal Nafta. -- Lagi.

♥18/09/16-46MST

CNS5693

U GB 18-09 00158 BA227

aab

Mahathir - Nafta 2 Bandaraya Mexico

Penubuhan Nafta yang menggabungkan Amerika Syarikat, Kanada dan Mexico sekaligus mewujudkan satu pasaran luas dengan 330 juta penduduk, telah menimbulkan kebimbangan di kalangan negara-negara membangun daripada segi kemungkinan ia menyekat eksport mereka.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, walaupun bentuk sebenar Nafta belum lagi diketahui, apa yang jelas ialah barangan yang diperbuat di Mexico akan dapat memasuki pasaran Amerika Syarikat dan Kanada tanpa tarif atau pun dengan dikenakan tarif istimewa.

Beliau bagaimanapun, percaya jika ada negara asing yang ingin mengeluarkan barangan mereka di Mexico untuk menembusi pasaran Amerika Syarikat dan Kanada yang kaya-raya itu, sudah pasti mereka akan dikenakan syarat-syarat tertentu seperti kandungan tempatan:

Peraturan kandungan tempatan ini belum lagi diputuskan.

Penubuhan Nafta sedikit sebanyak akan menjejaskan eksport Malaysia ke Amerika Syarikat dan Kanada kerana ia terpaksa bersaing dengan Mexico, terutama bagi barangan yang sama. -- Lagi.

♥18/09/16-50MST

CNS5697

U GB 18-09 00144 BA228

aab

Mahathir - Nafta 3 Bandaraya Mexico

Datuk Seri Dr Mahathir menyebut sebagai contoh pengeluaran set radio yang diperbuat di Malaysia dengan pelaburan Jepun untuk eksport ke Amerika Syarikat dan Kanada.

+Mungkin pelabur Jepun akan datang ke Mexico untuk mengeluarkan barangan yang sama untuk eksport ke Amerika Syarikat. Jadi dengan itu akan ada persaingan,+ kata beliau.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, risiko persaingan dihadapi bukan sahaja dengan Mexico tetapi juga dengan negara-negara lain seperti Eropah Timur yang kini menjadi tumpuan pelabur.

Sebaliknya, Datuk Seri Dr Mahathir berkata Malaysia mungkin boleh juga mengambil manfaat daripada penubuhan Nafta dengan menubuhkan industri pembuatan di Mexico.

Beliau berkata, Malaysia misalnya boleh menubuhkan kilang memproses minyak kelapa sawit untuk mengeluarkan minyak masak, sabun atau barangan buatan Yang lain untuk dieksport ke Amerika Syarikat dan Kanada.
-- Lagi.

♥18/09/16-51MST

CNS5703

U GB 18-09 00135 BA229

aab

Mahathir - Nafta 4 Bandaraya Mexico

Apa yang perlu dibuat ialah mematuhi syarat-syarat kandungan tempatan dan mengambil pelabur Mexico sebagai rakan kongsi.

Semen-tar-a itu, Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi mengetuai delegasi Malaysia dalam perbincangan dengan perwakilan Mexico, yang diketuai oleh Menteri Luarnya, Fernando Salana di tempat yang sama.

Datuk Abdullah memberi tahu wartawan Malaysia kemudian bahawa Mexico memberi jaminan yang ia tidak menyokong Nafta mengambil dasar perlindungan.

Mexico menyatakan bahawa seperti Malaysia ia juga berpegang kepada prinsip perdagangan bebas dan pasaran terbuka.

Kedua-dua perwakilan bersetuju supaya langkah-langkah diambil untuk mempertingkatkan kerjasama ekonomi dan hubungan perdagangan.

Datuk Abdullah juga berkata, Malaysia telah meminta Mexico menghantar guru-guru Bahasa Sepanyol untuk mengajar di institut diplomasi yang baru ditubuhkan di Kuala Lumpur.--Bernama.

♥18/09/16-53MST